



Kain sarung

Baju kurung Kedah.

Kain punca potong

"Apabila kita memperkatakan tentang busana dan tekstil Melayu, kita bercengkerama dengan suatu kisah keindahan yang tidak berkesudahan" (Azah Aziz)

Wanita ini sentiasa jelita dan anggun dengan penampilan baju kurung pesak Johor pada kebanyakan masa, di mata kebanyakan orang beliau adalah seorang wanita yang cukup sempurna.

Namun, di sebalik kesantunan wanita berdarah campuran Melayu, Turki dan Arab itu tersemat kekuatan dan keteguhan dalam dirinya yang sukar digugat oleh sesiapa jua.

Sebenarnya, tiada siapa yang lebih memahami dan memperjuangkan kepentingan tekstil dan busana Melayu daripada Allahyarhamah Sharifah Azah Syed Mohammad Alsagoff atau lebih dikenali sebagai Azah Aziz.

Minatnya yang mendalam terhadap bahasa, budaya dan kesenian telah menyentuh kehidupan setiap lapisan pencinta seni.

Arwah yang merupakan seorang individu lemah lembut, penyayang dan tidak lokek dengan senyum pernah memberitahu: "Tidak perlu menggandingkan kebaya dengan jean..., baju kurung potongan klasik mengikat negeri di Malaysia sudah cukup istimewa... dan kenapa perlu dimodenkan reka bentuk baju kurung atau diganti jenis kainnya?..." Kata-kata ini membuktikan keteguhan beliau mempertahankan keaslian tradisi.

Tenunan, tekstil Melayu tiada ganti

Siner 17/3/13 Ms 2.

pencinta budaya Malaysia, Azah Aziz yang telah banyak mendidik masyarakat tentang keindahan dan kepentingan tekstil dan pakaian tradisional Melayu.

Turut menyumbang kepakaran mereka adalah dua pakar tekstil Malaysia iaitu Pengarah Perbadanan Kraftangan Malaysia yang pertama dan salah seorang pengasas Persatuan Promosi dan Pembangunan Kraftangan Asean, YM Raja Datin Paduka Fuziah Raja Tun Uda dan seorang inovator reka bentuk tekstil dan pendidik dari Universiti Teknologi Mara, Prof Madya Dr Norwani Md Nawawi.

zaman berzaman, khususnya pada majlis dan upacara," katanya ketika merasmikan pameran berkenaan di MKIM, minggu lalu.

Turut hadir pada majlis itu, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; tokoh akademik tersohor negara, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Dalam pada itu, Dr Mahathir turut menggesa muzium supaya mengumpul dan memelihara warisan tekstil serta terus menjalankan penyelidikan, mendokumentasikan dan mempamer koleksi tekstil. Beliau menegaskan usaha

Sementara itu, lebih 50 helai tekstil Melayu merangkumi limar, songket, tenun, tekat, kelingkan dan telepek dipamerkan di MKIM.

Di antara tekstil Melayu ini, kain songket, kain tenun dan sulaman tekat masih digemari sehingga ke hari ini. Namun begitu, kain limar, sulaman kelingkan dan kain telepek tidak begitu dikenali pada hari ini dan tidak ramai pengusaha yang mengusahakannya.

Untuk meningkatkan kesedaran dan menghargai kesenian tekstil ini, pameran ini akan mengetengahkan kepentingan sejarah dan budaya tekstil Melayu serta membincangkan tentang kesinambungan tradisi kesenian



Allahyarhamah Azah Aziz

KOLEKSI PERIBADI PEJUANG BUDAYA, AZAH AZIZ PENYERI RUANG MUZIUM



mempertahankan keaslian tradisi.

Memandangkan betapa teguhnya arwah memperjuangkan koleksi tradisional Melayu itu, pihak Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM), Kuala Lumpur mempamerkan sebahagian koleksi kesayangan Azah Aziz untuk tatapan umum sebagai bukti insan itu sangat cintakan pada budaya Malaysia.

Antara yang dipamer, kain tenun sutera berwarna ungu dengan jalur hijau dan putih, songket dan banyak lagi.

Segala koleksi itu diketengahkan bersempena pameran Tradisi dan Kesenian - Tenunan dan Tekstil Berhias Semenanjung Tanah Melayu yang berlangsung di Galeri Khas 2, MKIM dan dibuka kepada orang ramai mulai 2 Mac hingga 30 Jun.

Pameran ini didedikasikan kepada ikon dan

Tekstil sepanjang zaman

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, bagi tekstil tradisional untuk kekal relevan dan kompetitif dalam abad ke-21, pembuat dan artisan kraf perlu berusaha memenuhi permintaan pasaran yang sentiasa berubah.

"Bagaimanapun kita perlu ingat bahawa selain daripada fungsi asasnya, tekstil berperanan mendukung tradisi kita sejak

Bellau menegaskan usaha seumpama itu merupakan pemangkin ke arah memupuk kesedaran mengenai pentingnya tekstil dan kraf tradisional Malaysia, bukan sahaja untuk semua orang pada masa sekarang tetapi juga generasi akan datang.

kesinambungan tradisi kesenian ini pada zaman sekarang.

Antara bahan yang dipamerkan iaitu kasut pengantin lelaki.

Dr Mahathir (tengah) mendengar penerangan dari pihak Muzium Islam Kesenian Malaysia tentang bahan yang dipamerkan.



Kotak tepak sirih

